

“Kanak-kanak autisme atau sindrom Down pada kebiasaannya lebih gemar menyendiri atau pendiam, tapi bila bermain alat muzik mereka sangat teruja dan aktif
Dr Samsilah Roslan

17-03-2018

setempat

41

HARIAN METRO



Garret Dawum
garret@hmetro.com.my

Serdang

Terapi komuniti menggunakan muzik sebagai instrumen utama yang diperkenalkan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) didapati mampu mengembangkan potensi kanak-kanak berkeperluan khas terutama ketika berinteraksi dengan masyarakat.

Rawatan pemulihan menggunakan muzik dan komuniti dinamakan *Fusion Lab* itu dibangunkan Fakulti Pengajian Pendidikan dan Fakulti Ekologi Manusia, UPM sejak Mac 2014.

Ketua Penyelidik *Fusion Lab* Prof Madya Dr Samsilah Roslan berkata, nyanyian dan alunan muzik medium terapi amat berkesan kerana mampu menarik perhatian kanak-kanak terbabit untuk berinteraksi dengan lebih aktif.

“Kerancangan muzik meningkatkan dan merangsang tindak balas serta mempe-

TERAPI GUNA MUZIK

■ **Nyanyian, alunan irama medium berkesan rangsang potensi anak sindrom Down, autisme**

ngaruhi kanak-kanak istimewa ketika berdepan masyarakat.

“Kami ambil contoh anak kepada seorang pensyarah di UPM bernama Sayuri. Kanak-kanak itu menghidap sindrom Down, namun dia cecap bermain alat muzik jenis marimba,” katanya.

Dr Samsilah berkata, menerusi terapi itu kanak-kanak autisme, sindrom Down dan mempunyai masalah pembelajaran disertai oleh komuniti.

Beliau berkata, pihaknya mahu kanak-kanak terbabit ada sifat kebersamaan dan berfikiran mampu melakukan persembahan seperti di-kir barat, kuda kepang atau

bermain alat muzik bersama masyarakat.

“Bagi kami menjadi kepuasan apabila melihat senyuman terukir pada wajah kanak-kanak istimewa ini yang mampu bermain alat muzik atau menari sama seperti insan normal,” katanya yang menjalankan penyelidikan Intervensi Muzik Dalam Terapi Komuniti: Memperkasakan Individu Kurang Upaya.

Menurutnya, program *Fusion Lab* turut membabitkan pendidikan psikologi dan kaunseling dengan memberi latihan persahabatan kepada kanak-kanak berkeperluan khas ini.

“Kami mahu kembangkan

lagi bakat dan potensi murid berkeperluan khas selain meningkatkan kesedaran umum terhadap kepentingan program sokongan komuniti bagi membantu mereka berdikari.

“Kanak-kanak autisme atau sindrom Down pada kebiasaannya lebih gemar menyendiri atau pendiam, tapi bila bermain alat muzik mereka sangat teruja dan aktif.

“Program penyelidikan ini membabitkan 51 murid berkeperluan khas, kami turut dibantu 85 sukarelawan. Kami dalam perancangan menyiapkan modul bagi kanak-kanak autisme yang pasif dan kurang berkomunikasi,” katanya.